

02 SEP 1998

ABDULLAH SOKONG TINDAKAN DR MAHATHIR LUCUT ANWAR

Oleh: E.Sivabalan

DURBAN, 3 Sept (Bernama) -- Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata beliau percaya rakyat akan menerima dan menyokong tindakan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memecat Datuk Seri Anwar Ibrahim dari jawatannya sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan.

Abdullah yang juga naib presiden Umno, berkata sebagai Perdana Menteri adalah hak Dr Mahathir untuk melantik atau memecat sesiapa sebagai anggota Kabinetnya.

"Saya percaya Perdana Menteri kita sudah tentu berfikir panjang dan menghalusi tindakan yang diambil untuk memecat Anwar," katanya pada persidangan media di sini pada Rabu. Beliau berada di sini mewakili Dr Mahathir ke Sidang Kemuncak Negara-negara Berkecuali (NAM) ke-12.

Mengenai kesan pemecatan Anwar kepada keadaan politik negara, Abdullah berkata: "Saya ingat kalau alasan-alasan (tindakan) itu diketahui oleh rakyat, saya percaya rakyat boleh memahami."

Abdullah berharap semua anggota Umno memahami serta memberi sokongan kepada Perdana Menteri dalam perkara itu.

Beliau percaya kedudukan Anwar sebagai Timbalan Presiden Umno akan dibincangkan pada mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) malam ini.

-- BERNAMA

ES WAT